

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/( 67 )  
Tarikh : 22 Mei 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

---

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BIL. 04 TAHUN 2000**

---

**SENARAI KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN YANG DIKENAKAN TINDAKAN  
TATATERTIB**

---

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah seperti disenaraikan di Lampiran A Surat Pekeliling ini telah dikenakan tindakan tatatertib dan telah dibatalkan atau digantung pendaftarannya. Tindakan tatatertib ini diambil selaras dengan peruntukan kuasa Arahan Perbendaharaan (AP) 184.4 serta peraturan seperti ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

3. Oleh yang demikian, kontraktor-kontraktor tersebut adalah tidak layak untuk menyertai apa-apa tawaran perolehan sebutharga/ tender Bekalan dan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Jabatan/Berkanun Negeri yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan tiada perolehan diuruskan di antara Jabatan/Badan Berkanun Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dengan kontraktor-kontraktor berkenaan. Sebarang perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang diuruskan dengan kontraktor-kontraktor tersebut adalah melanggar tatacara perolehan kerajaan dan pegawai yang bertanggungjawab dengan perolehan tersebut boleh dikenakan tindakan surcaj.

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Di atas perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

T.T

( **DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI** )

Pegawai Kewangan Persekutuan,  
Sabah.

s.k.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan  
Kementerian Kewangan  
Khazanah Malaysia  
Jalan Duta  
50592 KUALA LUMPUR.

Pegawai Kewangan Persekutuan  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93592 KUCHING.

Pengarah Audit Negara  
Cawangan Sabah  
Tingkat 6 & 7, Rumah Persekutuan  
88518 KOTA KINABALU.

Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Sabah  
Tingkat 2, Rumah Persekutuan  
88594 KOTA KINABALU.

*SuratPekPMSBil.04<sup>th</sup>2000*